

**BN khuatir persepsi pengundi atas dakwaan terhadap Bersih
Malaysian Insider
27 Mei, 2012
Oleh Shannon Teoh**

KUALA LUMPUR, 27 Mei — Tindakan perundangan yang diambil kerajaan Barisan Nasional (BN) terhadap pemimpin Bersih di bawah Akta Perhimpunan Aman (PAA) telah menimbulkan keresahan dikalangan pemimpin mereka yang mana tindakan itu akan mengakibatkan pembangkang mendakwa akta itu lebih tegas berbanding akta sebelumnya.

Walaupun mereka berkata kepada *The Malaysian Insider* akta itu perlu dihormati, mereka masih lagi tidak pasti bagaimana pengundi akan menerima penggunaan akta itu, kunci perundangan dalam pentadbiran Najib dalam pembaharuan demokrasi, dengan pilihan raya yang semakin hampir.

Rabu lalu, 10 ahli Jawatankuasa Pemandu Bersih termasuk Pengerusinya, Datuk Ambiga Sreenevasan, menjadi individu pertama disaman di bawah PAA, yang dikuatkuasakan sehari sebelum demonstrasi 28 April.

Kerajaan menuntut RM122,000 atas kerosakan 15 kenderaan di bawah Seksyen 6(2)(g) PAA yang mana menyatakan penganjur perlu "memastikan perhimpunan membahayakan kesihatan dan mencetuskan kerosakan harta dan alam sekitar."

Datuk Seri Najib Razak berkata apabila memperkenalkan akta itu, ia adalah "revolusi" perundangan yang membenarkan kebebasan bersuara menurut norma-norma antarabangsa.

Namun pemimpin Pakatan Rakyat (PR) berkata, saman tersebut pada Selasa diikuti dengan dakwaan terhadap penyertaan dalam perhimpunan haram terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Azmin Ali, menunjukkan perdana menteri bukanlah reformis, sebaliknya bertindak.

"Ini adalah perkara penting bagaimana rakyat akan melihat kerajaan, dengan menghantar signal yang bercampur aduk," kata Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Saifuddin Abdullah kepada *The Malaysian Insider*.

Ahli Jawatankuasa Pusat MCA Datuk Ti Lian Ker turut bersetuju dengan Lim Kit Siang bahawa tindakan itu adalah "lebih kepada pelaksanaan dan dibuat kerana kehadirannya telah dicabar dan jika tiada tindakan, di mana pihak berkuasa?"

Namun beliau menegaskan kerajaan mempunyai pilihan yang terhad dalam perkara itu.

"Bersih menyatakan 'punca' dan mereka mempunyai moral tinggi. Tapi kerajaan perlu meletakkan kaki di bumi nyata dan kamu tidak boleh melangkaui undang-undang," kata peguam ini, yang juga Pengerusi MCA Kuantan.

Naib Pengerusi Kelab Penyokong BN, Datuk Abdul Rahman Dahlan turut berkata walaupun sesetengah pihak mengatakan PAA "tidak adil, ia masih undang-undang dan telah dilanggar."

"Kita semakin hampir dengan pilihan raya, tidak perlu lagi asyik turun ke jalanan, PR boleh letakkan dalam manifesto mereka dan lihat jika rakyat sokong demonstrasi bebas tanpa penguatkuasaan," kata Ahli Parlimen Kota Belud itu.

Pembangkit telah keluar Dewan November lalu apabila akta tersebut dibahaskan di Parlimen selepas mengkritik akta tersebut, yang mana menghalang "usul perhimpunan" yang dilihat lebih teruk berbanding Myanmar, negara yang mempunyai hak asasi manusia yang paling rendah di dunia.

Perhimpunan 28 April lalu melihat ribuan perusuh berkumpul di enam kawasan berbeza sebelum menuju dan berkumpul di Dataran Merdeka dalam keadaan aman sehingga jam 2.30 petang apabila Ambiga mengarahkan peserta untuk bersurai.

Walaupun bagaimanapun, arahan tersebut tidak diendahkan perusuh dan kebanyakan daripada mereka berlegar di sekitar Dataran Merdeka yang mana mahkamah telahpun menguatkuasakan arahan melarang mereka berada di kawasan tersebut.

Sejurus jam 3 petang, perusuh kemudiannya merempuh masuk ke kawasan dataran selepas merobohkan halangan di kawasan dataran yang mana memaksa pihak polis melepaskan gas pemedih mata dan meriam air.

Kekacauan itu turut menyaksikan beberapa kereta polis mengalami kerosakan.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bn-khuatir-persepsi-pengundi-atas-dakwaan-terhadap-bersih1/>